

20 MAY 2002

Sukan-Badminton (Indra)

NAIB JUARA TIDAK MEMADAI, KATA INDRA

Oleh: Hamdan A.Saaid

GUANGZHOU, 20 Mei (Bernama) -- Bagi Indra Gunawan, jurulatih yang pernah tiga kali mengecapi nikmat merangkul Piala Thomas, pencapaian muncul naib juara pada kempen kali ini bersama Malaysia tidak menggembirakannya.

Menurutnya Malaysia berpeluang merampas kembali Piala Thomas setelah mendahului Indonesia 2-1 ekoran kemenangan Lee Tsuen Seng ke atas Taufik Hidayat pada perseorangan kedua.

"Pada saya, muncul naib juara tidak memadai. Kita terlepas peluang terbaik malah pemain Indonesia sendiri memberitahu saya ketika mereka ketinggalan 1-2, peluang mereka untuk menang hanyalah 25-75," katanya.

Indra berkata beliau melihat kem Indonesia seperti tidak bermaya selepas kekalahan Taufik tetapi kembali bertenaga apabila beregu keduanya Halim Haryanto dan Trikus Haryanto berjaya menyaingi pasangan Choong Tan Fook dan Lee Wan Wah.

Jurulatih berusia 55 tahun itu mengemudi Indonesia memenangi Piala Thomas tiga kali pada 1994 di Jakarta, 1996 dan 1998, kedua-duanya di Hong Kong.

Indra mula melatih skuad negara sejak awal tahun lepas dan kontraknya selama dua tahun dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) akan tamat Disember ini.

Ditanya mengenai kemungkinan beliau kembali ke Indonesia setelah kontraknya tamat, Indra berkata beliau belum memikirkannya lagi kerana mahu menumpukan tugasnya bersama skuad negara.

Bagaimanapun, beliau membayangkan kemungkinan tidak mahu terbabit secara langsung dengan pengendalian latihan dan lebih suka bertindak sebagai penasihat atau pengarah kejurulatihan jika ditawarkan.

"Saya sudah berumur. Saya mungkin sudah tidak mampu menghadapi tekanan sebegini. Jika saya bertindak di belakang tabir, mungkin saya tidak begitu tertekan," katanya.

Indra juga berkata jika Malaysia menang, beliau sudah berangan-angan untuk memohon taraf pemastautin tetap, bergambar dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali serta penyanyi pujaannya, Siti Nurhaliza.

"Tapi semua angan-angan itu tidak menjadi. Kalau ada pialanya, bolehlah bergambar bersama mereka," katanya berkali-kali.

-- BERNAMA

HRS HRS LAT